

**SEJARAH PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN TANAH
DI NEGERI JOHOR DARI 1900 HINGGA 1970**

MD AKBAL BIN ABDULLAH

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2012

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan menjelaskan sejarah pentadbiran dan perkembangan pembangunan tanah di negeri Johor dari tahun 1900 hingga 1970. Kajian ini telah meneliti tiga perkara asas yang didapati menjadi teras pembangunan tanah yang dikaji. Pertamanya ialah penelitian tentang keadaan pentadbiran tanah dan pendokumentasian geran tanah sebelum 1910, selepas pewartaan *Undang-undang Tanah 1910* dan selepas merdeka. Kedua ialah pentadbiran dan pembangunan tanah penempatan dan ketiga pembangunan tanah pertanian yang dimulai dari tahun yang sama. Kajian ini tidak menumpukan kepada hasil pengeluaran dan perkembangan sosio ekonomi dan politik negeri Johor. Sebaliknya kajian menumpukan kepada analisis data penggunaan tanah dengan menggunakan butiran data aktiviti penempatan dan pertanian. Kaedah penyelidikan ilmu sejarah di dalam kajian ini terdedah kepada penggunaan angka-angka yang diambil dari dokumen-dokumen arkib sebagai sandaran hujah dan tafsirannya. Analisis dan tafsiran sejarah di dalam kajian ini banyak berpandukan data perangkaan permohonan tanah, jenis-jenis tanaman, jumlah dan petempatan penduduk yang dipersembahkan semula di dalam bentuk peta, jadual, rajah dan pelbagai graf. Hasil kajian mendapati perkembangan pentadbiran tanah di negeri Johor sudah beroperasi selewat-lewatnya 60 tahun sebelum pewartaan *Undang-undang Tanah 1910* dengan memperkenalkan enam bentuk dokumentasi tanah yang digunakan sebagai kaedah pengurusan tanah. Kajian ini juga mendapati *Undang-undang Tanah 1910* menjadi pemisah kepada sistem tanah tradisi dengan sistem tanah moden. Dalam semua tinjauan dokumen, *Undang-undang Tanah 1910* menjadi sebab sistem tanah dan pembangunan negeri Johor terbuka dan lebih pesat berkembang. Kemerdekaan Malaysia dari British didapati boleh menyumbang kepada kekuatan Orang Melayu memiliki tanah di negeri Johor, tetapi segala-galanya seolah-olah ditentukan apabila pembangunan tanah masih terikat dengan apa yang mereka warisi sebelum merdeka. Kajian ini juga mendapati Orang Melayu kurang berjaya memanfaatkan diri dari dasar kelonggaran sistem pemilikan tanah, sebaliknya amat bergantung kepada dasar kerajaan. Akhirnya kajian juga dapat mengenal pasti beberapa isu tanah, pentadbiran dan pembangunan yang boleh dijalankan penyelidikan selanjutnya bagi terus membongkar sejarah pentadbiran dan pembangunan negeri Johor.

THE HISTORY OF ADMINISTRATION AND LAND DEVELOPMENT IN JOHOR FROM 1900 TO 1970

ABSTRACT

The main purpose of this research was to document the history of land administration and development in the state of Johor from 1900 to 1970. Three major elements related to the problems on land development were analysed. First, this study will evaluate the problems in land development and documentation before 1910 and after the implementation of *Undang-undang Tanah 1910*. Secondly, this thesis analysed on the administration and development of residential land in the state of Johore. Finally, this research carried out an in-depth and comprehensive study on the development of agricultural land in the state of Johor. The research undertaken by this study utilize fully the archived materials and documents that were deposited at the National Archive in Johor Bahru. The main analysis and historical explanation in this research are based on historical documents, statistical data on land application, types of agricultural plantations, total number of residences and their locations. All these are represented in the forms of maps, tables, charts and multiple graphs. The findings showed that the land administration in Johor had operated for nearly 60 years before the implementation of the *Undang-undang Tanah 1910*. From the research it was also found out that the *Undang-undang Tanah 1910* in the state of Johore included the introduction of six types of land documentation that are used in the state land administration. This research also discovered that the *Undang-undang Tanah 1910*, preserved a unique system which separated the traditional land system and the *Torrens system*. The research also found out that the *Undang-undang Tanah 1910* was the main reason why the land administration and development of Johor became more open and dynamically developed. The research also found out that many of the Malays had failed to benefit from the flexibility of the land ownership system introduced by the state government. Finally, the research also identified several issues that may be further researched to shed more light on the issue of land administration and development in the state of Johor.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Tanah dan Pembangunan Kawasan	2
	1.2.1 Undang-undang Tanah British di Negeri-negeri Melayu	3
1.3	Permasalahan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah negeri Johor	6
1.4	Tujuan Kajian	15
1.5	Skop Kajian	15
1.6	Kaedah Kajian dan Sumber	16
1.7	Ulasan Literatur	19
1.8	Kepentingan Kajian	35
1.9	Struktur Bab	36

BAB II	PENTADBIRAN DAN DASAR PEMBANGUNAN TANAH MENJELANG 1910 DI NEGERI JOHOR	
2.1	Pengenalan	39
2.2	Negeri Johor dan Tanah Jajahnya	40
2.3	Pentadbiran Tanah Sebelum 1910	45
2.4	Jenis-jenis Dokumen	50
	2.4.1 Geran Mati	52
	2.4.2 Surat Akuan Kebun	55
	2.4.3 Surat Kebenaran Menebang Menebas	56
	2.4.4 Surat Sungai	58
	2.4.5 Surat Kebenaran Berkebun	61
	2.4.6 Perjanjian Konsesi	63
2.5	Dasar Pembangunan Tanah Menjelang 1910	65
2.6	Pemohonan Tanah Sebelum 1910	69
2.7	Kesimpulan	75
BAB III	<i>UNDANG-UNDANG TANAH 1910</i> DAN PERUBAHAN PENTADBIRAN TANAH DI NEGERI JOHOR	
3.1	Pengenalan	76
3.2	Asakkan British Terhadap Pentadbiran Negeri Johor	76
3.3	<i>Undang-undang Tanah 1910</i>	83
3.4	Perubahan Pentadbiran Tanah	88
3.5	Akta Tanah Simpanan Melayu	97
3.6	Pentadbiran Tanah Semasa Perang Dunia ke II	100
3.7	Kesimpulan	103

BAB IV	PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN TANAH PERTANIAN DI NEGERI JOHOR (1900-1940)	
4.1	Pengenalan	104
4.2	Pentadbiran dan Pemohonan Tanah Sebelum 1910	105
4.3	Tanah Pertanian Perdagangan (<i>Cash Crops</i>)	
	4.3.1 Getah	109
	4.3.2 Kelapa Sawit	118
4.4	Guna Tanah Tanaman Makanan	119
	4.4.1 Padi	120
	4.4.2 Kelapa	131
	4.4.3 Ubi Kayu	137
	4.4.4 Perkebunan	141
4.5	Kesimpulan	143
BAB V	PENTADBIRAN TANAH DAN PETEMPATAN DI NEGERI JOHOR (1900 – 1940)	
5.1	Pengenalan	144
5.2	Pentadbiran Tanah dan Dasar Petempatan	145
5.3	Kampung dan Proses Demografi	146
5.4	Petempatan Awal di Pantai Barat Johor	154
	5.4.1 Daerah Muar	161
	5.4.2 Daerah Batu Pahat	165
5.5	Petempatan di Pantai Timur Johor : Endau – Mersing	167
5.6	Perantau dan Petempatan	170
5.7	Petempatan Pendatang Asing	181
5.8	Kesimpulan	188

BAB VI	PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN TANAH PERTANIAN (1940-1970)	
6.1	Pengenalan	190
6.2	Pentadbiran Tanah Zaman Jepun	
	6.2.1 Tanah dan Bekalan Beras	191
	6.2.2 Ubi Kayu	198
6.3	Dasar British dan Pembangunan Tanah Tanaman	199
6.4	Pembangunan Tanah Tanaman Makanan	
	6.4.1 Sawah Padi	203
	6.4.2 Kebun Ubi Kayu	209
	6.4.3 Kebun Kelapa	211
6.5	Pembangunan Tanaman Makanan selepas Merdeka	
	6.5.1 Sawah Padi	215
	6.5.2 Kebun Kelapa	217
	6.5.3 Nanas	218
6.6	Pendekatan Kerajaan dan Pekebun Kecil	
	6.6.1 Pekebun-pekebun Kecil Getah	219
	6.6.2 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP)	224
	6.6.3 Persatuan-persatuan Peladang	227
	6.6.4 Rancangan Tanah Pinggir	229
	6.6.5 Rancangan Tanah Tidak Berbantu	231
6.7	Dusun dan Pekebunan	234
6.8	Tanaman Perdagangan	235
6.9	Kesimpulan	236
BAB VII	PEMBANGUNAN PETEMPATAN (1940 – 1970)	
7.1	Pengenalan	238
7.2	Penempatan Zaman Jepun	239

7.3	Rancangan Petempatan Khas British	242
7.3.1	Kampung Baru di Daerah Kluang	246
7.3.2	Gugusan Kampung Baru di Daerah Segamat	249
7.3.3	Petempatan Baru di Daerah Batu Pahat	255
7.3.4	Petempatan Orang Cina di Daerah Johor Bahru	259
7.4	Dasar Petempatan Kerajaan	266
7.4.1	Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP)	269
7.4.2	Rancangan Tanah Pinggir	272
7.4.3	Rancangan Tanah Tidak Berbantu	274
7.4.4	Penempatan Orang Asli	277
7.5	Kesimpulan	282
BAB VIII KESIMPULAN		
8.1	Pengenalan	285
8.2	Rumusan dan Penemuan Kajian	285
8.3	Sumbangan Kajian	304
8.4	Cadangan Kajian Lanjutan	304
8.5	Penutup	305
RUJUKAN		306
LAMPIRAN		
A	Peta 1 kawasan petempatan di pantai Batu Pahat pada 1904	343
B	Peta 2 kawasan petempatan di pantai Muar 1904	344
C	Peta 3 kawasan perkebunan di pedalaman Muar 1904	345
D	Peta 4 sistem perhubungan dan taburan kawasan getah	346

E	Peta 5 kedudukan estet-estet getah di negeri Johor 1907	347
F	Surat akuan berkebun yang dikeluarkan pada 1903	348
G	Surat jual tanah kebun yang dikeluarkan pada 1905 di Kuala Paya	349
H	Surat jual tanah dari Jabatan Pesaka Muar tahun 1898	350
I	Surat permohonan Penghulu Durian Condong Muar mendapatkan Orang Cina bersawah	351
J	Surat pindah milik dari See Ba & Yew Eng kepada See Yap Seng Pada 14 Mei 1917	352
K	Petempatan Orang Cina di negeri Johor	353

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji sejarah pentadbiran tanah negeri Johor dan kaitannya dengan proses pembangunan yang berlaku dari tahun 1900 hingga 1970. Sebenarnya, amat sukar menentukan tarikh pentadbiran tanah di negeri Johor bermula dengan tepat. Namun yang pasti sejak dari tahun 1855, pentadbiran tanah di negeri ini telah melaksanakan beberapa pendekatan dan peraturan dengan memperkenalkan beberapa jenis dokumen berkaitan dengan pengurusan tanah. Kewujudan jabatan pentadbiran tanah Johor bertujuan menyelaraskan pelaksanaan peraturan tanah dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan negeri. Kejayaan negeri Johor muncul sebagai pengeluar gambir dan lada utama dunia pada penghujung abad ke 20 adalah bukti negeri Johor mempunyai sebuah sistem pentadbiran tanah yang dianggap berkesan. Namun dalam waktu tersebut, pentadbiran tanah negeri Johor berdepan dengan usaha kapitalis dan pentadir-pentadbir British di Tanah Melayu yang mahukan penguasaan sepenuhnya terhadap pentadbiran tanah dan sumber ekonomi Negeri-negeri Melayu termasuklah di Johor. Potensi tanah sebagai faktor tunggal ekonomi yang ada di negeri Johor ini memaksa pentadbiran negeri berdepan dengan tekanan British yang mahukan kerajaan negeri melakukan sesuatu bagi memastikan British beroleh keuntungan besar. Justeru itu, pentadbiran tanah negeri Johor mengubah langkah dengan menyesuaikan pentadbiran negeri dengan cita-cita British melalui perwartaan *Undang-undang Tanah 1910* di negeri Johor.

1.2 Tanah dan Pembangunan Kawasan

Kajian mengenai sejarah pembangunan tanah di Malaysia telah banyak dijalankan, namun kebanyakannya hanya membicarakan dan menyentuh dua sektor utama pembangunan. Tanah selalunya dikaji berkaitan dengan kegiatan pertanian dan pembentukan kawasan penempatan sebagai petunjuk awal sesebuah kawasan itu dimiliki. Bersandarkan sistem adat atau *usufractaury*, sesuatu pemilikan tanah itu hanya boleh diiktiraf setelah terbukti wujudnya sebarang usaha atau kerja-kerja yang dianggap memakmurkan atau membangunkan tanah berkenaan.¹ Di bawah pentadbiran pemerintahan kesultanan Melayu tradisional, rakyat dibenarkan mengusahakan tanah dengan syarat mereka membayar cukai kepada sultan atau pembesar daerah yang dilantik oleh raja.² Menurut F.A. Swettenham, oleh sebab penduduk di Negeri-negeri Melayu tidak ramai berbanding dengan keluasan tanah yang ada masih luas dan banyak, tanah tidak mempunyai nilai tukaran kerana setiap keluarga menghasilkan makanan hanya cukup untuk sara diri masing-masing sahaja.³ Justeru itu persoalan memiliki tanah sebagai harta tidak timbul kerana tanah hanya diperlukan untuk menyediakan keperluan hidup.

Meskipun permasalahan hakmilik tanah di dalam sistem adat Melayu menerima pelbagai kritikan dan pandangan dari para sarjana, namun sesuatu yang diterima oleh semua sarjana tersebut ialah tanah adalah asas dan ada kaitan dengan pembangunan kemanusiaan di atasnya. Dalam konteks undang-undang dan pentadbiran tanah, sama ada adat mahupun kolonial, tanah dilihat sebagai alat pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Dalam sistem peraturan tanah kolonial pula, di samping tanah menjadi asas pembangunan kepada manusia, peraturan tersebut akan

¹ T.B. Wilson, 1958. *The economics of padi production in north Malaya, Part 1: Land tenure rents, land use and fragmentation*, KL. hlm. 10; lihat juga T.B Wilson 1954. "Some economic aspects of padi land ownership in Kerian," *Malayan Agricultural Journal*, 37, hlm. 3.

² J.M. Gullick, 1965. *Indigenous political systems of Western Malaya*, Antlone Press, London.

³ Lihat F.A. Swettenham, 1940. *An account of the origin and progress of British influence in Malaya*, William Brendon and Son, Plymouth.

memastikan pembahagian tanah dengan adil. Oleh sebab itu sebarang undang-undang tanah bukan sahaja menekankan permasalahan pemilikan, bahkan ia mencakupi permasalahan corak penggunaan, hak dan tanggungjawab tuan punya dan penggunanya.⁴

1.2.1 Undang-undang Tanah British di Negeri-negeri Melayu

British ketika melihat potensi ekonomi di Negeri-negeri Melayu yang begitu memberangsangkannya juga mendapati mereka berdepan dengan sistem pemilikan tanah adat yang tidak sesuai dengan pendekatan ekonomi kapitalis British. Abad 19, ekonomi dunia tertumpu kepada pengeluaran bijih timah dan getah.⁵ Kedua-dua komoditi tersebut merupakan komoditi utama yang boleh diperolehi di Negeri-negeri Melayu. Malangnya British berhadapan dengan peraturan tanah yang masih terkongkong dengan sistem feodal yang meletakkan kuasa tanah di bawah pentadbiran negeri yang khusus kepada sultan dan pembesar. Oleh sebab itu, British percaya sistem pegangan tanah yang diamalkan semasa ketibaan mereka di Tanah Melayu amat tidak sesuai dan tidak akan menguntungkan kerana sistem pentadbiran tanah sedia ada menyukarkan mereka menguasai pengeluaran bijih timah dan getah.

British mulai mempengaruhi Negeri-negeri Melayu selepas Perjanjian Pangkor di negeri Perak pada 1874 dengan undang-undang tanah kolonial yang buat pertama kalinya diperkenalkan di kawasan Kerian. Mengikut peraturan yang digubal oleh McNair, seorang jurutera di Pejabat Tanah Singapura, sebarang tanah di dalam negeri Perak yang diduduki sebelum 13 Julai 1874 diakui tertakluk di bawah undang-undang adat. Namun sesiapa yang menduduki mana-mana tanah selepas daripada tarikh tersebut akan dianggap sebagai menyewa tanah kerajaan dengan tempoh sewaan

⁴ V.M. Johnson & R. Barlowe, 1954. *Land problem and policies*, New York, hlm. 251.

⁵ Tentang perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu, lihat kajian Wong Lin Ken, 1965. *The Malayan tin industry to 1914*. University of Arizona Press. Lihat juga Yip Yat Hoong, 1969. *The Development of the tin mining industry of Malaya*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.

selama 999 tahun pada kadar 30 sen seekar. Hanya pada 1879, undang-undang tanah menyeluruh diwartakan di negeri Perak.⁶ Sehubungan dengan itu pada penghujung abad 19, British memperkenalkan sistem pegangan tanah ala Barat bagi mengatasi masalah sistem pemilikan tanah di Negeri-negeri Melayu yang dijangka mampu melaksanakan cita-cita mereka untuk menguasai dua komoditi utama tadi. Peraturan tanah tersebut kemudian dikembangkan ke negeri Selangor (1882),⁷ Negeri Sembilan (1887) dan Pahang (1888) supaya akur dengan keperluan perubahan sistem pemilikan dan pengurusan tanah baru.

Maxwell semasa menjadi Pesuruhjaya Negeri-negeri Selat pada 1890 telah menyelaras dan menyeragamkan pentadbiran tanah di Negeri-negeri Melayu dengan memperkenalkan sistem pengurusan tanah yang diamalkan di Australia dikenali Sistem *Torrens*. Beliau berpendapat British memerlukan undang-undang tanah yang dapat memberikan pengiktirafan kepada pemilikan yang kekal kerana dengan cara tersebut kerajaan dapat menjamin hasil pendapatan melalui kutipan cukai tanah.⁸ Namun semua pemilikan tanah ini mesti bermula dengan penentuan status pendaftaran tanah sama ada sebagai tanah kerajaan, persendirian ataupun swasta. Di bawah sistem baru ini, semua bentuk tanah sama ada pertanian ataupun bukan akan diberi hakmilik dalam bentuk pajakan untuk tempoh beberapa tahun dan tuan tanah dikehendaki membayar premium tanah, upah ukur sempadan tanah dan cukai tanah kepada kerajaan.

Peraturan tanah yang baru ini telah mewujudkan sistem hakmilik tanah persendirian berdasarkan sistem pendaftaran dan pengeluaran sijil hakmilik tanah dan

⁶ Lihat W.E. Maxwell, 1894. *Memorandum on the introduction of Land Code in the native states in the Malaya Peninsula*, Singapore, hlm. 3.

⁷ Tentang campur tangan awal British di Selangor lihat kajian J.S. Sidhu, "The beginnings of British in Selangor," dalam *PENINJAU SEJARAH*, University Malaya Press, Vol. III, no. 2, September 1968, hlm. 20-30.

⁸ Lihat W.E. Maxwell, 1894. *Memorandum on the introduction of Land Code in the native states in the Malaya Peninsula*.

boleh bertukar milik. Kratoska berpendapat undang-undang tanah kolonial ini bertujuan mewujudkan suasana yang boleh menarik pelaburan asing terhadap tanah dan supaya kerajaan dapat mengawal tanah-tanah atau kebun-kebun milik pekebun-pekebun kecil Melayu.⁹ Dalam masa yang sama sistem pentadbiran tanah *Torrens* yang dilaksanakan ini memudahkan pengembangan dan penguasaan ekonomi yang diterajui kapitalis British dan Cina.¹⁰ Hal ini boleh terjadi kerana tanah boleh dijual beli dan ia juga terdedah kepada spekulasi jangka panjang. Justeru itu tidak menghairankan tanah di Negeri-negeri Melayu yang melaksanakan sistem dan peraturan *Torrens* telah menjadi sumber dan modal kepada sesetengah pihak bagi memperoleh keuntungan melalui kegiatan-kegiatan spekulasi hartanah.

Berdasarkan prinsip tersebut maka tidak menghairankan amalan pertanian pindah dan pemilikan tanah secara *usufructuary* dan *proprietary* tempatan yang kurang menitikberatkan peranan dokumentasi tanah. Oleh sebab amalan pemilikan tanah mengikut cara tersebut amat bercanggah dengan kepentingan dan pendekatan British, maka amalan tersebut menghadapi tekanan dari undang-undang tanah kolonial British. Terdapat dua dasar tanah kolonial British yang diperkenal di Negeri-negeri Melayu mempengaruhi syarat pemilikan tanah yang melibatkan Orang Melayu. Pertama, undang-undang tanah British cuba memperkenal takrifan baru mengenai hubungan tanah dengan petani dan masyarakat secara am. Kedua dasar pemberian tanah pertanian yang ditentukan keluasannya dan mewajibkan Orang Melayu, khususnya petani mengerjakan tanah mengikut peraturan dan pentadbiran tanah.¹¹

⁹ Kratoska, Paul. H, 1975. "Peasants, yeoman and rice farmers cultural categories in British Malaya" tesis Ph.D. Univerity of Chicago, hlm. 135. Lihat Jomo, 1988. *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*.

¹⁰ Sistem *Torrens* ini berbeza dengan amalan British di England yang mempunyai unsur warisan feodal. Sistem ini juga menggantikan sistem surat akur janji yang dilaksanakan sebelum sistem ini diperkenalkan. Untuk mendalami sistem ini lihat S.K. Das, 1963. *Torrens systems in Malaya*, M.L.J. Ltd. Lihat juga Salleh Buang, 2010. *Malaysian Torrens Systems*, DBP. Kuala Lumpur.

¹¹ Jomo, 1988. *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*, DBP, Kuala Lumpur, Bab 4. hlm 98-100.

Oleh sebab mengikut undang-undang tanah kolonial, hakmilik tanah terpisah daripada sebarang aktiviti menghidupkan tanah, maka tanah yang dikerjakan oleh seseorang tidak semesti menjadi miliknya dan tanah yang terbiar itu pula tidak menyebabkan seseorang terlucut hakmilik ke atasnya atau tanah tersebut tidak bertuan. Keadaan begini tidak merujuk lagi kepada usaha menghidupkan tanah sebagai syarat pemilikan seperti yang diamalkan di dalam sistem adat. Sebaliknya ia menekankan persoalan hakmilik di bawah peraturan kolonial yang tidak lagi terikat dengan syarat mengerjakannya.

1.3 Permasalahan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di negeri Johor

Pentadbiran negeri Johor menjelang abad ke-20, menghadapi beberapa masalah yang besar sehingga boleh menjejaskan pentadbiran negeri. Ia bermula dengan peningkatan peranan pelabuhan Singapura di bawah pentadbiran British kepada sebuah pelabuhan utama di hujung Selat Melaka. Peningkatan ini telah menyebabkan kegiatan ekonomi di sekitar perairan Selat Melaka semakin sibuk.¹² Perkembangan perdagangan di pelabuhan Singapura telah mendesak supaya kerajaan Johor bertindak sebagai hub pengeluaran bahan-bahan dagangan di sana. Keperluan sedemikian memaksa perubahan dasar pentadbiran negeri dilakukan, antaranya membenarkan dan memberi ruang perdagangan dan pelaburan asing lebih banyak masuk ke dalam negeri Johor. Antara langkah awal dan drastik bagi menampung keperluan perdagangan di Singapura ialah menyokong pemindahan kawasan ladang dan perusahaan ladang-ladang gambir yang sedang bermasalah di kepulauan Riau dan Singapura ke darat negeri Johor. Berikutan kebenaran yang diberikan oleh kerajaan Johor, pembukaan ladang gambir di negeri Johor menyebabkan berlaku perubahan sosio ekonomi Johor akibat dari dasar kemasukan buruh asing yang semakin terbuka. Kedatangan imigran yang menjadi buruh kontrak dan perantau dari Alam Melayu yang membuka banyak

¹² Tentang perkembangan dan hubungan awal antara Johor dengan Singapura lihat Carl A. Trocki 2007. *Prince of Pirates : the Temenggongs and development of Johor and Singapore 1784-1885*. National University of Singapore Press, bab 4, hlm. 98-127. Lihat juga R.O. Winstedt, 1979, *A History of Johore (1365-1941)*, MBRAS, Reprints No. 6, hlm. 76-103.

kawasan pedalaman negeri Johor menjadikan aktiviti ekonomi negeri Johor berkembang dengan pesat.

Walau bagaimanapun, segala-galanya bermula mulai 1874, sejeurus peristiwa campurtangan British di Perak yang memaksa Perjanjian Pangkor ditandatangani, Sultan Abu Bakar mengambil langkah merombak pentadbiran negeri bagi menyesuaikan diri dengan perubahan politik yang dijangka akan berlaku di Negeri-negeri Melayu. Penyesuaian ini amat penting kepada negeri Johor memandangkan British mulai menunjukkan sikap dan mengambil tindakan yang agak agresif terhadap beberapa buah negeri Melayu. Kerajaan negeri Johor tentunya tidak mahu pengalaman di Perak, Selangor dan Pahang berlaku di negerinya. Meskipun perselisihan faham antara pembesar seperti yang berlaku di negeri-negeri Melayu lain tidak berlaku di negeri Johor, namun British didapati berusaha bagi mencampuri urusan dalaman negeri Johor melalui cara lain. Minat British terhadap negeri Johor semakin meningkat sekitar 1885 apabila pihak Pejabat Tanah Jajahan di London dan Gabenor Negeri-negeri Selat membincangkan persoalan tentang cara dan bagaimana serta bilakah waktunya yang sesuai negeri Johor boleh dikawal British.¹³

Di samping pelbagai kelemahan yang didapati pada pentadbiran Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim, rancangan jangka panjang pihak British menguasai negeri Johor juga tidak dapat dinafikan sebagai sebab utama British berusaha mencampuri urusan negeri Johor. Prospek cerah industri getah antarabangsa pada hujung abad ke-19 menggalakkan British berusaha mendapat kawasan hutan di Negeri-negeri Melayu, terutama negeri Johor bagi menanam getah. Dalam waktu yang sama, kerja-kerja membina landasan keretapi dari Gemas ke Johor Bahru telah siap dibina pada 30 Mac

¹³ Keith Sinclair, "Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office Policy towards British concessionaires and investors, 1878-1907," *Modern Asian Studies*, vol.1. 1967. Ira Klein, "British expansion in Malaya, 1897-1902," *Journal of South East Asian History*, vol. IX, 1968, hlm. 53. Tentang usaha British untuk mencampuri pentadbiran negeri Johor lihat kajian Nessamalar Nadarajah, 2000. *Johore and the origins of British control 1895-1914*, Arenabuku Sdn. Bhd.

1909.¹⁴ Dengan terbina landasan ini, hubungan Negeri-negeri Melayu semakin rapat dan keadaan ini memudahkan British mentadbir dan membawa barangan komoditi getah dengan lebih mudah ke pelabuhannya di Singapura. Bagi menyahut perubahan-perubahan itu, sultan Johor pada Januari 1910 telah bersetuju menerima dan melantik D.G. Campbell dengan rasminya sebagai *General Adviser* yang pertama.¹⁵ Pada April 1910 negeri Johor menerima seorang juru ukur British yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja ukur tanah dan sempadan negeri dan pada 3 Ogos 1910 *Undang-undang Tanah 1910* diluluskan Sultan Ibrahim. Dengan terwartanya perundangan tanah ini maka pentadbiran negeri Johor mulai memasuki satu era dan fasa baru dalam sejarah pentadbiran dan pembangunan tanah.

Perwartaan *Undang-undang Tanah 1910* di negeri Johor telah mengundang banyak persoalan. Antaranya apakah nilai yang melatari pentadbiran tanah negeri Johor sebelum perwartaan peraturan tanah baru ini menyamai nilai-nilai adat yang sama seperti yang terdapat di Negeri-negeri Melayu lain seperti di Perak dan Kelantan? Kajian-kajian oleh beberapa sarjana seperti Maxwell,¹⁶ David Wong¹⁷ dan Lim Teck Ghee¹⁸ terhadap sistem pemilikan tanah di negeri Perak lebih menjelaskan perbezaan pendapatan yang menekankan sama ada kedudukan tanah sebagai sesuatu yang diempunyai raja ataupun bukan. Seperti didakwa Maxwell, pengalaman di Perak menunjukkan pemberian hasil tani sebanyak 10 peratus ataupun kutipan cukai itu boleh dianggap sebagai taraf pemilikan mutlak sultan terhadap tanah yang ada.

¹⁴ Eunice Thio, "British policy towards Johore", dalam *JMBRAS*, vol. 40, Prt. 1, hlm. 32.

¹⁵ Tentang perbezaan antara Residen British dengan General Adviser, lihat Nessamalar Nadarajah, 2000. *Johore and the origins of British Control 1895-1914*, Arenabuku Sdn. Bhd, hlm. 147.

¹⁶ Maxwell menyokong doktrin hak mutlak sultan dan hak baginda mendapatkan satu per sepuluh ke atas tanah di dalam negeri Perak. Tentang doktrin tersebut lihat Maxwell, William E. 1884, "Law and Customs of the Malays with reference to the tenure of land", *JMBRAS*, vol. 13, hlm 57-220.

¹⁷ David Wong, 1975. *Tenure and land dealings in Malay states*, Singapore University Press, Singapore.

¹⁸ Lim Teck Ghee, 1976. *Origins of a colonial economy : land and agriculture in Perak 1874-1897*, Universiti Sains Malaysia, Penang.

Adakah permasalahan nilai tanah yang sebegini sebagai satu kepunyaan mutlak raja di Perak, juga berlaku di negeri Johor? Jika wujud persamaan atau perbezaan antara kedua-dua negeri ini, sejauh manakah ia sedemikian?

Sebelum 1910, pembangunan tanah di negeri Johor diurus sendiri oleh pentadbiran negeri. Pentadbiran negeri menerima kehadiran perantau alam Melayu yang menduduki dan membuka tanah dengan pemantauan penghulu dan keizinan sultan. Sultan dalam hal memajukan tanah pula lebih bertanggungjawab membawa masuk pelaburan ke dalam negeri Johor bagi menggalakkan pelabur membuka kangkar-kangkar gambir. Usaha bersama antara penghulu dan sultan telah menyebabkan pentadbiran tanah terdedah kepada proses menyediakan dokumentasi tanah. Beberapa jenis dokumen tanah dikeluarkan dan digunakan bagi memandu tatacara membangunkan tanah dan kawasan. Kerja-kerja memproses permohonan dan kelulusan bagi membangunkan negeri telah dijalankan sebelum abad ke-20. Sikap pentadbir negeri Johor terhadap gunatanah boleh dijelaskan melalui beberapa dasar tanah seperti pembukaan ladang-ladang untuk tanaman gambir dan lada hitam di bawah sistem ladang yang dikenali sebagai *Sistem Kangcu*, amalan pengeluaran *Surat Sungai* dan galakan kemasukan warga asing ke negeri Johor. Sepintas lalu sistem *Kangcu* dan tanaman gambir banyak menyumbang kepada ekonomi negeri Johor di penghujung abad ke-19, malah suatu ketika berjaya mengangkat Johor sebagai pengeluar utama gambir dunia. Kejayaan ini, menurut Trocki, membuktikan kebolehan pentadbiran mengurus pembangunan tanah di negeri Johor. Oleh yang sedemikian tidak timbul permasalahan siapakah yang memajukan tanah kerana kerajaan negeri jelas sudah berusaha ke arah itu.

Walau bagaimanapun, pada 1910, pentadbiran negeri Johor telah menerima peraturan baru atas dorongan British mengenai pentadbiran tanah negeri. Apakah penyebab yang menggalakan British mengemukakan undang-undang tanah baru bagi menggantikan peraturan pentadbiran tanah lama di negeri Johor? Adakah pernah British melakukan perkara yang sama terhadap Negeri-negeri Melayu lain sebelum

mencampuri perundangan tanah di negeri Johor? Meskipun pentadbiran tanah dan amalan menggunakan dokumen tanah di negeri Johor dilaksanakan mulai 1910, namun adakah perlaksanaannya semudah yang disangka? Sistem tanah yang diperkenal oleh British tidak hanya membatalkan peraturan lama, malah memecah-mecahkan tanah dan mendaftarkannya mengikut perundangan agar selaras dengan undang-undang tanah yang baru. Kesan paling besar ialah penstrukturan semula pentadbiran negeri, wilayah mukim dan kampung-kampung. Sistem baru ini juga mengakibatkan penambahan pegawai-pegawai di peringkat daerah dan mukim bagi menggantikan sistem pembesar tempatan. Sejauh manakah perkara ini berlaku dan kesannya kepada pentadbiran dan pembangunan negeri Johor sehingga mampu memisahkan negeri Johor dari era lama kepada fasa baru?

Tidakkah peraturan tanah yang baru membuka peluang lebih mudah kepada orang ramai di negeri Johor memohon dan memiliki tanah berbanding peraturan lama? Segala-galanya bermula dengan penyusunan semula pentadbiran dan peraturan tanah baru yang menyebabkan pentadbiran tanah dan struktur organisasinya berubah dan sesuai dengan matlamat perwartaannya. Penyusunan pentadbiran dikatakan melibatkan pewujudan jabatan-jabatan dan jawatan-jawatan baru bagi menggantikan perjabatan dan perjawatan di dalam sistem lama. Demikian juga penjenisan tanah dan penggunaan beberapa dokumen tanah yang paling awal telah digantikan dengan yang baru, termasuklah amalan pemberian *Geran Mati* dan *Surat Sungai*.

Peraturan baru telah memberikan kesan besar kepada kederasan pembangunan tanah di negeri Johor. Perubahan ini adalah rentetan yang dialami sama oleh Negeri-negeri Melayu yang lain. Perkembangan ini ada kaitan langsung dengan perkembangan politik secara umum yang berlaku di Negeri-negeri Melayu. J.C. Jackson berpendapat sejak tertubuhnya Negeri-negeri Selat (1786-1826), kegiatan pertanian telah dijadikan komoditi utama British di Negeri-negeri Melayu.¹⁹

¹⁹ J.C. Jackson, 1986. *Planters and Speculators: Chinese and European enterprise in Malaya, 1886-1912*, Kuala Lumpur, hlm 2.

Pendekatan British jelas, membawa dan menggalakan pelaburan asing ke negeri-negeri Tanah Melayu. Maksud tersirat ialah Britishlah yang bertanggungjawab merencanakan kegiatan gunatanah pertanian di Tanah Melayu. Bagaimanakah negeri Johor berhadapan masalah dari proses pembangunan di luar jangkaan dan kawalan pemerintahnya. Adakah di dalam konteks negeri Johor, British merupakan daya penarik pelabur luar yang utama dan pihak yang pertama melakukan pendekatan sedemikian? Maksudnya, sebelum British datang dan memperkenalkan sistem baru, adakah pemerintah negeri tidak berbuat sesuatu apapun bagi meraih dan menyusun pembangunan ekonomi? Tidakkah Sultan Abu Bakar telah melakukan beberapa pendekatan yang sama sebelum pihak British menguasai dan memperkenalkan peraturan tanah 1910?

Jika wujud usaha-usaha Sultan Abu Bakar yang mendahului usaha British, apakah reaksi British ketika berhadapan dengan tindakan pemerintah Johor itu? Apakah segala tindakan dan dasar kerajaan negeri Johor untuk membangunkan negeri sebelum 1910 sesuatu yang berbeza dengan pendekatan dan kemahuan British? Demikian juga di manakah kedudukan surat-surat *Konsasi* dan *Surat Sungai* sebagai bukti betapa sistem ladang sudah lama berjalan di negeri Johor? Apakah boleh penggunaan dokumen geran tanah di negeri Johor bagi mengurus tanah secara bersendirian tanpa tunjuk ajar British menjadi bukti sistem pertanian moden lebih awal dilaksanakan sebelum kehadiran British. Bagaimanakah reaksi British yang berdepan dengan segala keputusan dan tindakan kerajaan negeri Johor ke atas sistem tanah sebelum 1910, walhal British ketika itu berdepan dengan peluang ekonomi yang cukup besar?

Selepas penerimaan peraturan tanah 1910, pembangunan tanah khususnya pembukaan kebun kecil dan ladang getah dan pengeluarannya di negeri Johor berkembang dengan pesat. Permintaan barangan khususnya getah pada harga yang tinggi itu pula ditentukan oleh kestabilan ekonomi dan politik yang berlaku. Walau bagaimanapun, getah menghadapi beberapa siri kemerosotan harga dunia. Pengalaman

tersebut telah merenjatkan pengeluaran getah di seluruh Tanah Melayu, termasuklah negeri Johor. Bagi menangani masalah tersebut beberapa dasar dan peraturan digubal misalnya Sekatan Stevenson, tetapi yang dinilai ialah kepada turun naik harga di pasaran dan tindak balas pekebun kecil terhadapnya. Namun persoalannya ialah bagaimanakah keadaan pembangunan tanah ketika harga pengeluaran meningkat dan menurun? Adakah penurunan harga getah menyebabkan usaha menggunakan tanah menjadi perlahan? Adakah perkembangan pembangunan tanah di negeri Johor amat bergantung kepada getah sahaja? Bagaimanakah kerajaan bertindak mengatasi masalah kegawatan ekonomi dengan aktiviti pembangunan tanah?

Walau bagaimanapun, J.C. Jackson berpendapat corak penggunaan tanah penanam tradisi atau lebih tepat Orang Melayu lebih kepada sara diri dan kurang sesuai dengan perkembangan permintaan tanaman dagangan dunia. Menjelang abad ke 20, corak sara diri ini tidak banyak berubah dan malah amat bertentangan dengan cara berladang. Dalam penilaian lain, J.C. Jackson mengatakan corak pertanian tradisi dikaitkan dengan sistem kehidupan seharian Orang Melayu.²⁰ Beliau beranggapan kemunduran petani Melayu kerana mereka terikat dengan galakan menanam padi berbanding dengan petani-petani lain. Adakah penilaian Jackson ini bersesuaian dengan keadaan penggunaan tanah di negeri Johor? Adakah menanam tanaman secara sara diri terutama padi merupakan pilihan utama Orang Melayu dan bukan kerana ketiadaan ruang dan kepercayaan daripada dasar peraturan tanah dan pendekatan ekonomi kapitalisme British? Maknanya, adakah kedudukan Orang Melayu di dalam peraturan dan gunatanah pertanian di Negeri-negeri Melayu termasuklah negeri Johor, lebih kepada amalan tradisi dan bukannya ditentukan oleh kehendak-kehendak British?

Sistem Torrens yang diperkenal di Negeri-negeri Melayu dan negeri Johor menjadi peraturan tanah yang digunakan bagi mentadbir urus tanah dan mengikat

²⁰ J.C. Jackson, 1986. *Planters and Speculators: Chinese and European enterprise in Malaya, 1886-1912.*

corak pembangunan yang dijalankan di atasnya. Peraturan tanah ini dijalankan berdasarkan pentadbiran British melalui peranan dan pengaruh pegawai-pegawai British yang dijadikan Residen ataupun *General Adviser*. Di negeri Johor, *General Adviser* menjadi penasihat kepada sultan dalam hal-hal berkaitan pentadbiran negeri termasuklah perkara yang berkaitan tanah. Sejak pengenalan sistem peraturan baru, urusan tanah ditadbir oleh pegawai-pegawai yang dilantik seperti Pemungut Hasil Tanah di setiap daerah dan Penghulu ditugaskan menyampaikan maklumat pentadbiran serta mengawal peraturan tanah dipatuhi oleh orang ramai. Pegawai British inilah yang mencorakkan pentadbiran dan menyusun pembangunan tanah di negeri Johor. Pengaruh corak pentadbiran tanah berlanjutan sehinggalah negeri Johor terlibat dengan kancas peperangan Dunia II.

Semasa peperangan, pentadbiran negeri Johor yang dikuasai pemerintah Jepun berhadapan dengan suasana baru untuk terus melaksanakan peraturan tanah yang sedia ada sebelum perang. Cuma yang berbeza ialah bukan British lagi tetapi Jepun. Bagaimanakah pentadbiran dan pembangunan tanah di negeri Johor semasa pemerintahan Jepun? Peperangan memberi kesan besar terhadap perubahan sosial masyarakat setempat antaranya perubahan gaya hidup, kekurangan makanan, kurang selesa dan ancaman keselamatan. Dalam keadaan sedemikian bagaimanakah pentadbiran Jepun menghadapi perubahan sosio ekonomi di negeri Johor? Mampukah Jepun mengubah corak peraturan dan pentadbiran tanah British bagi mencapai maksud penjajahannya di Tanah Melayu atau terus terikat dengan peraturan British? Bagaimana penggunaan tanah di negeri Johor khususnya tanaman-tanaman utama British seperti getah?

Selepas pengunduran Jepun, politik Tanah Melayu dan negeri Johor terdedah dengan ancaman dan keganasan Bintang Tiga sayap kanan Parti Komunis Malaya (PKM). Asakan PKM telah menyebabkan ekonomi dan kepentingan British terjejas teruk di Tanah Melayu. Di samping British mencari jalan melemahkan kekuatan PKM, British juga terikat dengan jasa dan janji kepada Orang Cina semasa berhadapan

Jepun. Dalam waktu tersebut juga, British didapati menggunakan dasar pecah dan perintah ketika mentadbir Tanah Melayu, khususnya semasa darurat dengan meletakkan pentadbiran seluruh negara di bawah *British Military Administration* (BMA). Oleh hal yang demikian, bagaimanakah dasar pembangunan tanah di negeri Johor semasa kuasa pentadbiran dikuasai British? Bagaimanakah janji dan balas budi yang diberikan kepada Orang Cina? Dengan pemerintahan BMA, adakah terdapat sebarang pembangunan tanah sehingga wujud perubahan sosio ekonomi masyarakat yang ketara di negeri Johor semasa darurat?

Pentadbiran dan pembangunan tanah di negeri Johor selepas merdeka berada di dalam tangan kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kemerdekaan telah memberikan peluang anak tempatan mentadbir dan membangunkan negara mengikut acuan dan hala tujunya sendiri. Dengan corak masyarakat yang berbilang kaum hasil dari pemberian kewarnegaraan dan perkongsian kuasa parti-parti di dalam pakatan Perikatan, bagaimanakah pentadbiran dan pembangunan tanah di negeri Johor dilakukan? Apakah reaksi pentadbir dari anak tempatan terhadap dasar pecah dan perintah British semasa darurat? Di negeri Johor sahaja sebanyak 109 atau 1/4 daripada seluruh kawasan perkampungan baru Cina di Malaysia dibentuk hasil dari keganasan PKM. Oleh sebab itu, apakah dasar tanah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP), Rancangan Tanah Pinggir dan Rancangan Tanah Tidak Berbantu merupakan ide yang muncul secara tiba-tiba atas faktor ekonomi dan tidak ada kaitannya dengan pengalaman PKM?

Semua persoalan yang dinyatakan di atas tadi adalah antara permasalahan yang berbangkit dari sejarah perkembangan pentadbiran dan pembangunan tanah di negeri Johor. Segala-galanya ada kaitan dengan *Undang-undang Tanah 1910* dan peranan British di negeri Johor mulai tahun 1910 hinggalah terbawa-bawa kepada 1970, walaupun Tanah Melayu sudah merdeka pada 1957.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan yang telah dinyatakan, negeri Johor sudah mencapai satu tahap pengurusan tanah dan pembangunan negeri yang jauh lebih tersusun menjelang abad ke-20 berbanding Negeri-negeri Melayu. Kemampuan menyusun pentadbiran negeri dengan jayanya adalah disebabkan oleh keupayaan pemimpin negeri yang memiliki perancangan jangka panjang, dasar pemerintahan dan pembangunan negeri Johor yang terbuka. Walaupun begitu, pada 1910, negeri Johor telah menerima penasihat British dan membawa ramai pentadbir luar bagi membantu kerajaan. Kehadiran pegawai-pegawai pentadbir British ke dalam pentadbiran negeri Johor didapati telah membuka lembaran baru kepada sejarah pentadbiran negeri, khususnya peraturan tanah. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan menjelaskan perkembangan hubungan pentadbiran tanah negeri dengan proses pembangunan tanah di negeri Johor sebelum dan selepas pengenalan *Undang-undang Tanah 1910* hingga 1970.

1.5 SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini hanya meneliti skop sejarah pentadbiran tanah dan perkembangan proses pembangunan tanah yang berlaku dalam tempoh tahun 1900 hingga 1970. Tempoh masa selama lebih kurang 70 tahun yang diambil memang bersesuaian sekali untuk mengenalpasti sebarang perubahan dan punca permasalahan yang dihadapi oleh pentadbiran tanah di negeri Johor bagi melaksanakan pembangunan tanahnya. Kajian ini akan menyentuh beberapa aspek pentadbiran tanah untuk diteliti seperti hubungan institusi raja dan pembesar dalam hal-hal tanah, penggunaan dokumen lama dan masalah yang dihadapi ketika perlaksanaan *Undang-undang Tanah 1910*, corak dan bentuk penggunaan kawasan tanah yang dilakukan mengikut peraturan yang dikenakan pada waktu-waktu tertentu. Kajian ini juga cuba menghuraikan dengan terperinci pendekatan British dan Jepun menangani masalah pentadbiran dan pembangunan tanah semasa menjajah Tanah Melayu di negeri Johor. Seterusnya

kajian ini menyentuh permasalahan tanah dan pembangunan di negeri Johor selepas merdeka hinggalah memasuki tahun-tahun 1960-an.

Kajian ini tidak melihat perkembangan pentadbiran dan pembangunan tanah berdasarkan pemilikan tanah mengikut kaum atau pembangunan wilayah di seluruh negeri Johor. Sebaliknya kajian ini menekankan aspek perkembangan sistem pentadbiran dan proses pembangunan tanah. Disebabkan kajian ini menumpukan kedua-dua aspek pentadbiran dan pembangunan tanah, maka bagi memudahkan penjelasan dan analisis, kupasan kajian hanya tertumpu kepada beberapa kawasan terpilih seperti pantai barat dan timur Johor, daerah Kluang, Segamat, Kota Tinggi sahaja. Pemilihan wilayah tersebut dibuat kerana pentadbiran dan pembangunan tanah di daerah-daerah berkenaan lebih awal dibentuk dan tersusun. Justeru itu, daerah-daerah tersebut didapati banyak memberi maklumat tentang pembangunan tanah negeri Johor. Walau bagaimanapun, bahagian dan daerah lain tidak diketepikan dan hanya disentuh di beberapa bahagian dalam kajian ini.

1.6 KAEDAH KAJIAN DAN SUMBER

Penelitian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan di Arkib Negara Malaysia Wilayah Selatan, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Sungguhpun begitu sumber-sumber di Arkib Wilayah Selatan, Johor Bahru banyak membantu mengenalpasti permasalahan semasa negeri Johor di dalam pentadbiran keturunan Temenggong, khususnya Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim seperti pengeluaran aneka geran tanah, proses pengembangan wilayah kampung dan mukim, pentadbiran kampung, pembukaan kampung dan sebagainya. Di Arkib Negara Malaysia, di Johor Bahru terdapat himpunan bahan-bahan rujukan seperti fail-fail kerajaan di peringkat jabatan, pentadbiran daerah dan negeri yang disusun mengikut kaedah British. Di sini terhimpun segala-galanya yang berkaitan dengan dokumen minit mesyuarat, laporan dari setiap jabatan kerajaan yang berperingkat, surat-surat

arahan antara jabatan, dokumen yang menjelaskan proses sesuatu tindakan, pemilikan tanah, butiran perjalanan dan pergerakan kakitangan pentadbiran negeri, perbelanjaan kewangan negeri dan sebagainya.

Oleh sebab kajian ini menumpukan penelitian terhadap tiga perkara utama, iaitu pentadbiran tanah, pembangunan tanah pertanian dan petempatan di negeri Johor, maka sumber rujukan utamanya banyak diperolehi di Arkib Negara Wilayah Selatan berbanding dengan Arkib Negara Malayasia, Kuala Lumpur dan sebarang perpustakaan universiti-universiti awam. Malah boleh dianggap sumber-sumber yang berasaskan catatan pentadbiran kerajaan yang terdapat di arkib ini merupakan paling lengkap dan banyak membantu penyelidik. Di Arkib ini segala permasalahan mengenai pentadbiran awal tanah negeri Johor sehingga 1910 dan 1970 dapat dirujuk dan diteliti mengikut fail-fail yang telah dikategori berdasarkan jabatan-jabatan kerajaan yang menjalankan tugas berkaitan. Mengenai dasar-dasar pentadbiran tanah yang menegakkan peraturan tanah sebelum 1910, *Surat-surat Menteri Besar Johor, State Secretary* atau Setiausaha Kerajaan Negeri, 2 buah naskhah catatan *Surat Keterangan Membuka Kebun Gambir dan Lada 1849* dan *Surat Keterangan Membuka Kebun Gambir dan Lada 1884* serta naskhah *Undang-undang Kangcu* merupakan dokumentasi yang banyak memberikan maklumat mengenai pentadbiran tanah. Dari naskhah surat keterangan ini penyelidik memperolehi maklumat mengenai senarai penerima dan pengusaha kangkar, kedudukan kawasan dan keluasan kangkar yang dibutirkan dengan jelas dan peraturan-peraturan tanah yang dikenakan.

Bagi mendapatkan perkembangan pentadbiran negeri yang lebih khusus mengenai dasar dan perjalanan peraturan tanah semasa pelaksanaan pentadbiran British, dokumen utama yang dirujuk ialah *General Adviser Johore, State Secretary of Johore (SS), Commissioner of Land and Mines (CLM), Commissioner of Land and Revenue (CLR), Johor Government Gazette, Minit-minit Mesyuarat Negeri dan Daerah, MEMORANDUM* dan sebagainya. Fail Menteri Besar Johor banyak menjelaskan struktur pentadbiran negeri, kuasa Menteri Besar Johor, perbincangan dan

keputusan di peringkat tertinggi negeri. Mengenai permohonan dan kelulusan sesuatu kawasan tanah, penyelidik menggunakan fail-fail khusus seperti fail yang diletakkan di bawah *CLM* dan *CLR*. Maklumat mengenai proses permohonan boleh juga didapati di dalam fail *Superintend of Surveys*.

Mengenai pembangunan tanah pertanian, fail-fail *SAOJ* dari jabatan pertanian di pejabat pentadbiran negeri dan *AAOJ* di daerah telah memberikan penyelidik maklumat mengenai perkembangan pembangunan pertanian di kawasan luar bandar. Pejabat pertanian di Muar, Batu Pahat dan Segamat banyak menyumbang data pembangunan tanah pertanian kerana tumpuan aktiviti pertanian sebelum dan selepas Perang Dunia II di daerah ini sangat aktif. Maklumat pembangunan pertanian juga boleh diperolehi dari laporan-laporan yang dikeluarkan *Johore Annual Report*, *Johor Planter Association*, *Laporan Tahunan FELDA*, cabutan dari *Minit-minit Mesyuarat Negeri* mengenai isu-isu pertanian seperti tanaman ubi kayu, padi, kelapa, getah dan masalah perburuhan. Bagi mendapatkan maklumat pentadbiran dan pembangunan tanah Johor semasa pendudukan Jepun dan pemerintahannya, penyelidik merujuk sumber-sumber dari fail Menteri Besar Johor dan British Military Administration (BMA). Sumber-sumber yang disebutkan tadi merupakan sumber utama kajian terhadap pentadbiran negeri Johor dan Negeri-negeri Melayu lain kerana pentadbiran negeri sedang berhadapan dengan tindakan Parti Komunis Malaya. Menerusi penggunaan fail-fail BMA, penyelidik mendapat maklumat yang mencukupi mengenai rancangan dan tindakan British ketika menangani keganasan PKM. Antara yang paling penting ialah mengenai dasar pentadbiran tanah British terhadap pembentukan kampung-kampung baru Cina yang diwujudkan di negeri Johor.

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan manuskrip Melayu iaitu, *Syair Abdul Rahman*, *Syair Orang Jawi* dan *Silsilah Tok Jenang Riwon: Duapuluh Dua Persaudaraan*. *Syair Abdul Rahman* memberikan penyelidik maklumat tentang pembukaan salah sebuah kawasan utama dan menjadi pusat kehadiran peneroka ke sekitar Parit Jawa, Muar pertengahan abad ke 19. *Syair Orang Jawi* pula memberikan

penyelidik maklumat mengenai perantauan, peranan keluarga penulisnya di bandar Maharani Muar sebelum 1903. Naskhah syair ketiga pula membantu penyelidik mengesan jejak sebuah keluarga yang merantau dari Daik ke Pahang dan akhirnya menetap di Endau, Mersing. Ketiga-tiga naskhah ini merupakan catatan peribadi penulisnya sendiri dan didapati banyak membantu penyelidik menghayati pengalaman peneroka awal membentuk dan membangunkan beberapa kawasan pedalaman negeri Johor.

Berdasarkan penggunaan bahan-bahan dari Arkib Negara Malaysia, Johor Bahru, tesis ini mencuba membentangkan satu penemuan yang berbeza dari sarjana-sarjana lain mengenai isu pentadbiran dan pembangunan tanah di negeri Johor. Perbezaan ini terdapat di dalam corak pentadbiran tanah yang cuba penyelidik paparkan. Tidak hanya paparan corak pentadbiran tanah pada zaman sebelum pengenalan *Sistem Torrens*, tetapi penyelidik menonjolkan pelbagai masalah pentadbiran tanah semasa waktu peralihan sistem dan kesempatan yang diambil oleh pihak-pihak yang memahami peraturan tanah. Bagi menunjukkan lebih jelas perbandingan sumber yang digunakan, penulis membandingkan beberapa kajian terdahulu seperti kajian, Lim Teck Ghee, Keith Sinclair, Carl Trocki, Mohd Sohaimi Esa, Ahmad Fawzi Basri, Rahimah Abdul Aziz, Abdullah Zakaria Ghazali dan sebagainya. Semua sarjana yang dinyatakan tadi telah menghasilkan kajian mengenai sejarah negeri Johor yang amat berguna tetapi tumpuan mereka lebih kepada pembangunan politik dan sosial negeri Johor. Hal ini telah memberikan penyelidik peluang menumpukan kajian terhadap pentadbiran dan pembangunan tanah sesuai dengan penggunaan sumber-sumber yang dijelaskan di atas.

1.7 ULASAN LITERATUR

Sejarah Negeri-negeri Melayu, khususnya negeri Johor telah banyak dikaji oleh para sarjana tempatan dan luar negara. Pelbagai aspek telah dikaji terutamanya aspek politik, tokoh, sosial, pendidikan dan ekonomi. Namun kajian yang menyentuh aspek pembangunan wilayah dengan menumpukan kepada sejarah pentadbiran tanah di

dalam konteks sejarah nasional mahupun negeri belum dikaji dengan lebih mendalam. Kajian-kajian sejarah terhadap pembangunan tanah di Malaysia kurang dilakukan kerana kurang minat dan kemahiran melihat keperluan perkembangan pembangunan itu sendiri. Dalam konteks begini, penelitian terhadap aspek pembangunan tanah menyentuh aspek perkembangan peraturan tanah, dasar kerajaan, campur tangan asing, masalah pelaksanaan perundangan, kerja-kerja yang dilakukan oleh jabatan-jabatan tanah, ukur, pertanian, penempatan, permasalahan pemilikan tanah dan sebagainya.

Kajian yang penting tentang pentadbiran dan pembangunan tanah pernah dilakukan oleh Lim Teck Ghee.²¹ Beliau melihat undang-undang tanah British yang diamalkan di negeri Perak secara amnya bersifat liberal untuk menarik kaum pendatang bercucuk tanam. Berbanding dengan peraturan perdagangan di Negeri-negeri Selat, undang-undang tanah ini amat serasi dengan usaha British untuk menguasai kawasan pedalaman Negeri-negeri Melayu, khususnya negeri Perak yang kaya dengan bijih timah dan hutan dara.²² Oleh sebab itu, dasar kolonial ini berjaya menarik ramai pendatang Cina datang ke Tanah Melayu untuk membuka ladang, manakala kapitalis British pula menjadi orang tengah yang menguasai raja-raja dan pembesar Melayu.²³ Beliau berpendapat segala-galanya bermula dengan campur tangan British di Negeri-negeri Melayu pada 1874 melalui Perjanjian Pangkor. Pengalaman British ini cukup memberikan pengajaran kepada Negeri-negeri Melayu tentang bagaimana British bertindak mencampuri pentadbiran negeri dengan menguasai pentadbiran tanah negeri hanya semata-mata ingin memastikan pembangunan tanah ladang mereka kuasai. Melalui usaha yang dilakukan British, pemodal-pemodal kapitalis British dan saudagar

²¹ Lihat Lim Teck Ghee, 1977. *Peasants and their agricultural economy in Colonial Malaya 1874-1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

²² Lihat juga pandangan yang hampir sama dengan Lim Teck Ghee oleh Ooi Jin-Bee, 1968. *Bumi, penduduk dan ekonomi di Tanah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Lihat juga Lim Chong Yah, 1967. *Economic development of modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm 174-198.

²³ Lim Teck Ghee, 1976. *Origins of a colonial economy : land and agriculture in Perak 1874-1897*, Universiti Sains Malaysia, Penang.

Cina diberikan kemudahan dan peluang memiliki tanah secara liberal dan jaminan kemudahan pengambilan buruh India untuk bekerja di ladang-ladang. Lim juga berpendapat sikap British, khususnya di Perak menyebabkan penglibatan Orang Melayu yang terhad di dalam sektor pertanian adalah kesan daripada dasar British yang seolah-olah menetapkan Orang Melayu sebagai wajib bersawah.

Sikap British seperti yang Lim nyatakan telah menyebabkan bukan sahaja pemodal barat yang dibawa masuk, malahan pemodal Cina yang berpangkalan di Singapura juga diberi ruang yang sama meneroka kawasan getah dan membawa masuk Orang Cina ke dalam Negeri-negeri Melayu, khususnya ke negeri Johor. Kajian Lim sedikit sebanyak membantu kajian ini memahami kedudukan dan nilai tanah di dalam pentadbiran tradisonal Melayu, khususnya di negeri Perak. Lim juga berjaya menjelaskan dan mendedahkan pelbagai usaha British mencampuri pentadbiran di negeri itu, khususnya tanah. Walau bagaimanapun, Lim hanya membataskan tumpuannya kepada negeri Perak dan menganggap semua peraturan tanah di Negeri-negeri Melayu adalah serupa. Justeru itu, kajian tesis ini mendapati bahawa kajian Lim amat berguna tetapi cukup terbatas kerana corak pentadbiran negeri Johor amat berbeza dari segi latar belakang dan persekitaran politiknya. Malahan kelemahan ketara kajian Lim ialah tidak langsung menyentuh kedudukan peraturan tanah negeri Johor sebagai penjelasan tentang kaitan tanah dengan raja dan Orang Melayu. Kajian tesis ini berbanding dengan kajian Lim, mendapati tanah yang dipunyai oleh Raja Melayu dengan peraturannya sebagai hakmilik raja dan rakyat diberikan tanah adalah pada dasarnya melalui budi bicara raja untuk memajukan diri dan membangunkan negeri.

Penjelasan tentang pentadbiran tanah di dalam zaman kolonial boleh juga diteliti melalui kajian Ahmad Nadzri Abdullah dan David Wong. Kajian mereka tertumpu kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu seperti Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan yang jelas telah mempunyai sistem pegangan milik tanah yang menyerupai sistem hak milik tanah. Wong berpendirian sememangnya telah wujud

pentadbiran negeri Melayu yang beraja tetapi hubungan pihak pentadbiran tersebut dengan rakyat tidak langsung diasaskan kepada prinsip hak pemilikan tanah yang berada secara mutlak di tangan raja.²⁴ Sambil membantah beberapa pandangan Maxwell tentang hubungan tanah dan raja, Wong menolak hakikat rakyat terpaksa mengerjakan suruhan pihak berkuasa atau raja dan terpaksa menyerahkan sebahagian hasil mereka kepada sultan. Sebaliknya, segala kerja rakyat atau tenaga yang dilakukan dan bayaran atau sumbangan yang diberikan rakyat kepada sultan lebih menunjukkan tanda taat setia sahaja.

Wong menegaskan tindakan British memperkenalkan sistem perundangan tanah baru bukan sahaja membawa perubahan dalam konsep pemilikan tanah tetapi juga membawa perubahan sosio-ekonomi peribumi di negeri-negeri berkenaan. Kajian Wong menunjukkan beberapa amalan sewa tanah dan pemberian ganti rugi petani adalah beberapa jenis urusan tanah yang sudah lama diamalkan ketika campurtangan British di Tanah Melayu.²⁵ Dalam hal ini, Wong beranggapan bahawa adat resam yang menyelimuti permasahan tanah terbiar dan urusan tanah lebih mementingkan kerja-kerja di atas tanah dan hasilnya sahaja, bukan menyentuh hakmilik tanah berkenaan. Wong menyatakan kesan besar dari perubahan tersebut ialah tanah mempunyai nilai harta dan boleh diperdagangkan. Kajian Wong sama halnya dengan kajian Maxwell yang berkisar kepada hubungan raja, rakyat dan tanah. Yang membezakan antara kedua-duanya hanya penentuan sama ada tanah itu milik raja ataupun bukan. Selain masih ada kekurangannya, peraturan tanah dan pembangunan negeri Johor bukanlah tumpuan kajian Wong.

Oleh sebab Wong asyik menilai hubungan tanah dengan Raja-raja Melayu dan lebih cenderung menjawab serta membetulkan pandangan Maxwell yang beliau

²⁴ Lihat pandangan beliau dalam tulisan David Wong, 1975. *Tenure and land dealings in the Malay States*, Singapore University, Singapore.

²⁵ David Wong, 1975. *Tenure and land dealings in the Malay States*, hlm. 10-15.

anggap kurang betul, maka kupasan mengenai perkembangan peraturan tanah di negeri Johor diabaikan. Walhal tempoh masa yang dilalui oleh Negeri-negeri Melayu dalam penyelidikan beliau, peraturan tanah di negeri Johor sudah kemas dan senantiasa mengalami penambahbaikan peraturannya. Justeru itu tesis ini telah menilai satu perkembangan peraturan tanah yang tidak diteliti oleh Wong sebagai penting semasa menjelaskan pelaksanaan peraturan tanah adat dan kemunculan peraturan tanah kolonial di Negeri-negeri Melayu secara umumnya. Kajian tesis ini meletakkan peraturan tanah di negeri Johor adalah penting sekiranya mahu meneliti perkembangan pentadbiran tanah di Tanah Melayu sebelum ataupun sesudah pelaksanaan peraturan tanah kolonial.

Ahmad Nadzri Abdullah di dalam sebuah tulisannya menyentuh mengenai kesan pelaksanaan *Undang-undang Tanah Simpanan Melayu*.²⁶ Dalam tulisannya, beliau membangkitkan perkembangan peraturan tanah yang diperkenal British, termasuklah *Undang-undang Tanah Simpanan Melayu*, namun tumpuan utama ialah mengenai kesan pelaksanaannya yang diumpamakan "cakap tidak serupa bikin". Menurut beliau, walaupun undang-undang tersebut wujud, namun tanah-tanah milik Orang Melayu bebas dijual beli dan dimiliki oleh orang bukan Melayu. Beliau meneliti faktor kurangnya kesedaran dalam kalangan Raja-raja Melayu dan pemilik-pemilik tanah Orang Melayu bagi mempertahankan hak-hak mereka pada ketika orang asing senantiasa laparkan tanah. Walaupun begitu analisa dan fakta perbincangan beliau tertumpu kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu sahaja. Beliau membahas pemilikan tanah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu berdasarkan pandangan beberapa sarjana sebelumnya. Beliau juga mengakui kewujudan sistem hakmilik tanah berdasarkan kekuasaan sultan dan pembesar yang mengutip cukai dan hasil dari rakyat

²⁶ Ahmad Nadzri Abdullah, "Perlaksanaan dan Kesan-kesan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu: Satu Tinjauan Rengkas," *Jurnal Jebat*, Jil. XV 1977/1978, hlm 51-58.

di kawasan masing-masing. Tanda hakmilik rakyat terhadap tanah yang dimiliki ialah kepada kemampuan rakyat melunaskan cukai yang dikenakan ke atasnya.²⁷

Nadzri Abdullah di dalam bukunya menyentuh kedudukan Orang Melayu dan tanah dengan memberi fokus kepada Tanah Simpanan Melayu.²⁸ Dalam kajian tersebut beliau mengupas mengapa dan bagaimana undang-undang tanah simpanan Melayu digubal dan langkah-langkah yang diambil untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut. Beliau membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan peraturan dan penggunaan tanah sebelum penjajahan Inggeris dan kesan dari peraturan tanah kolonial khususnya tanah simpanan Melayu. Sungguhpun kajian beliau menyentuh permasalahan tanah milik Orang Melayu, namun penelitiannya terlalu kecil jika dibandingkan dengan tesis ini. Beliau lebih menumpukan permasalahan keupayaan Orang Melayu memiliki tanah, ancaman dari kelonggaran undang-undang yang mempertahankan hak Orang Melayu dan kesungguhan pentadbiran kerajaan melaksanakan peraturan Tanah Simpanan Melayu. Tanah di bawah Akta Simpanan Melayu hanya kesan dari ketidakceapan pentadbiran negeri mentafsir dan menguatkuasakan peraturan tanah yang baru. Isu tersebut bukanlah terasing dari pemahaman terhadap perkembangan pentadbiran tanah. Lagipun, kajian beliau menekankan pemilikan tanah berdasarkan etnik dan bukannya persoalan pentadbiran dan pembangunan tanah secara menyeluruh. Oleh sebab itu, tesis ini telah melihat permasalahan tanah bukan sekadar tanah-tanah milikan Orang Melayu atau Orang Cina dan lain-lain sahaja. Tesis ini meneliti perkembangan pentadbiran dan pembangunan tanah yang lebih luas, khususnya mengenai perkembangan pentadbiran dan corak pembangunan tanah yang terhasil dari peranan pentadbiran negeri dan British.

²⁷ Ahmad Nadzri Abdullah, *ibid*.

²⁸ Ahmad Nadzri Abdullah, 1985. *Melayu dan tanah: tumpuan khusus kepada Tanah Simpanan Melayu*, Media Intelek Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Selangor.

RUJUKAN

A. Samad Ahmad, 1985. *Sejarah Melayu*, DBP, Kuala Lumpur.

AAS 1/29, Annual Report 1928.

Abd. Jabar bin Ali, "Kampung Melayu, Kluang." Dlm. Yahya Abu Bakar, Mahmud Embong, dan Kassim Thukiman (peny). 2001. *Menelusuri Sejarah Tempatan*, Yayasan Warisan Johor, Zian Publication, Johor Bahru.

Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Muar." Dlm. Malaysia dari Segi Sejarah, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, April 1979.

Abdul Malek Munip, 1984. *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920: Peribumi dan Pemodenan*, Persatuan Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Abdullah Ghazali Zakaria, 1982. "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Johor dan Pahang." Dlm. *Jurnal Sejarah Melaka*, bilangan 7. Melaka

Abdullah Ghazali Zakaria, 1981. "Raja Kecil - Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718-1722: Satu kajian asal-usulnya." *Jurnal Sejarah Melaka*, bilangan 6. Melaka.

Abdullah Kadir Munsi, 1966. *Hikayat Abdullah*, jilid 2, Pustaka Antara, Kuala Lumpur.

Abdullah Zakaria Ghazali, "Persaingan di antara keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung di Johor, 1835-1855," Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1984.

Abdullah Zakaria Ghazali, 1997 "Kesultanan Melayu Johor." Dlm. Zainal Abidin Borhan, Hamzah Hamdani dan Saleh Daud, *Warisan Persuratan Johor*, Yayasan Warisan Johor.

Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Istana dan politik Johor (1835-1885)*, Yayasan Penataran Ilmu, Kuala Lumpur.

Abdullah Zakaria, "Pengasasan dan Kesultanan Johor." Dlm. *Polemik Sejarah Malaysia*, jil. 2, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2009.

Abu Bakar Hamid dan Md. Ismail bin Zamzam, 2003. *Tokoh Ternama Johor*, Yayasan Warisan Johor.

- Abu Talib Ahmad, "The impact of the Japanese occupation on the Malay Muslim population." Dalam Paul Kratoska (penyt.), 1995. *Malaya and Singapore During the Japanese occupation, JEAS*, Singapore.
- Ahmad Fawzi Basri, 1988. *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya, Fajar Bakti, hlm 7.
- Ahmad Gedang, "Bintang Tiga di Mukim Sri Medan Batu Pahat, Johor." *Jurnal Warisan Johor*, Jil. IV, 2000.
- Ahmad Nadzri Abdullah, "Perlaksanaan dan Kesan-kesan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu: Satu Tinjauan Rengkas," *Jurnal Jebat*, Jil. XV 1977/1978.
- Ahmad Nadzri Abdullah, 1985. *Melayu dan tanah: tumpuan khusus kepada Tanah Simpanan Melayu*, Media Intelek Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Selangor.
- Andaya, Y. 1975, *The kingdom of Johore 1641-1728: economy and political*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- AOJN 179/49. Dept of Agricultural Office, Batu Pahat, bertarikh 12 Oktober 1950. West Coast Coconut Area.
- AOJN 208/50. Laporan Ag. State Agricultural Officer, "State of Johore : Return of acreages under fruit as at 31st December 1950," bertarikh 3 Februari 1951.
- AOJN 208/50. Laporan Ag. State Agricultural Officer, "State of Johore : Return of acreages under fruit as at 31st December 1950," bertarikh 3 Februari 1951.
- AOJN 208/50. Laporan Junior Agricultural Officer, State/Settlement of Johore North Circle: "Return of acreages under miscellaneous crops and Coconut, as at 31st December 1950," bertarikh 20 Januari 1951.
- AOJN 34/48. MEMO dari Chinese Agricultural Assinstant, Batu Pahat, "Coconut, Coconut Oil dan Copra," kepada The Agricultural Officer, Johore Central & North, Kluang bertarikh 28 April 1948.
- AOJN 132/45. Laporan Johore North Circle, "Return of Acreages Under Miscellaneous Crops and Coconut as at 31 Disember 1951," bertarikh 12 Januari 1952.
- AOJN & N. 63C/46. Laporan Malay Agricultural Assistant, Mersing, "Food Production" Appendix: Period 16-31 Disember 1949.
- AOJN 49/47. Surat Malay Agricultural Assistant, Segamat kepada Agricultural Office, Johor bertarikh 13 Februari 1947.